

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Dahri telah beberapa kali mencuba untuk menghidupkan enjin keretanya _____ masih gagal juga.

A atau C tetapi
B sambil D sementara

2. Anak kucing itu cepat-cepat menyorok di bawah sofa _____ melihat Samir masuk.

A apabila
B sambil
C yang
D agar

3. Kita akan disenangi ramai _____ bersikap ramah _____ tidak sombong terhadap orang lain.

A jika ... dan
B dan ... jika
C atau ... lalu
D serta ... atau

4. Pihak polis mengesahkan _____ penjenayah _____ berbahaya itu sudah berjaya ditangkap.

A kerana ... tetapi
B bahawa ... yang
C yang ... sambil
D dan ... lalu

5. Kasmadiana mengingatkan adiknya _____ bersiap ke kelas tambahan selepas makan tengah hari.

A apabila
B bahawa
C supaya
D tetapi

6. Aiskrim yang dijual oleh Shafiq kurang mendapat sambutan _____ cuaca pada hari itu mendung.

A kecuali C apabila
B sambil D kerana

7. Hazimin tetap meneruskan lariannya _____ dia sudah penat.

A agar C semasa
B yang D walaupun

8. Siti dan Kamila menggubah bunga _____ berbual-bual.

A dan C apabila
B sambil D sekiranya

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. Kakak mengelap meja makan _____ ibu memasak kek coklat.

A dan C walaupun
B tetapi D manakala

10. "Kamu boleh memilih untuk menyertai Pasukan Biru _____ Pasukan Merah," kata Cikgu Rashid kepada Zahid.

A atau C tetapi
B serta D bahawa

11. Encik Taufik segera mencapai kunci keretanya di atas meja _____ keluar untuk pergi ke pejabat.

A dan C jika
B lalu D yang

12. "Berhati-hatilah _____ dalam berkawan _____ tidak terjebak dalam gejala negatif," pesan datuk kepada Rosli.

A jika C tetapi
B dan D supaya

13. Danial menyatakan _____ dia akan menyertai aktiviti meredah hutan anjuran Kelab Rekreasi.
 A dan C sambil
 B yang D bahawa

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah ini.



14. Raihana membaca buku cerita _____ menunggu Soak Hwa tiba.
 A serta C apabila
 B sambil D sementara
15. Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka ketika bermain _____ tidak ditimpa kemalangan.
 A agar C apabila
 B serta D tetapi
16. Kesilapan fakta dalam penulisan dapat dielakkan _____ kita membuat rujukan terlebih dahulu.
 A tetapi C sekiranya
 B kerana D walaupun

Praktis 2

Tandakan (✓) bagi kata hubung yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.

1. Salmi tidak pasti sama ada kelas tambahan itu akan diadakan pada hari Selasa _____ Rabu.

dan

atau

lalu

2. Kak Aini membeli barang melalui Internet _____ barang itu belum sampai lagi.

tetapi

jika

apabila

3. Kita hendaklah berfikir sebelum bertindak _____ tidak menyesal pada kemudian hari.

sambil

lalu

supaya

4. Kipas angin itu tidak dapat dibaiki lagi _____ sistem pendawaiaannya sudah rosak.

kerana

walaupun

ketika

5. Puan Zauyah menonton drama di televisyen _____ melipat kain.

lalu

sambil

jika

6. Kiswan akan pergi ke pesta buku itu _____ ayahnya memberikan kebenaran.

meskipun

hingga

jika



Praktis 3

Garisi jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini.

1. Tini memanggil saya (sambil / atau / lalu) bertanya tentang kerja sekolah yang perlu disiapkan.
2. Puan Suri mendukung bayinya (sambil / kerana / lalu) menyanyi untuk mendodoikannya.
3. Pemuda itu berlari untuk menaiki bas (apabila / sekiranya / tetapi) bas itu telah berlalu pergi.
4. Cikgu Sham memaklumkan (bahawa / yang / kerana) pertandingan catur akan diadakan pada minggu depan.
5. Kelas tambahan berlangsung setiap hari (kecuali / bahawa / manakala) hari Ahad.
6. Tanaman sayur akan layu (jika / sambil / atau) tidak disiram setiap hari.

Praktis 4

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

1. "Kamu boleh menggunakan apa-apa warna _____ warna hitam," kata guru.	sementara
2. Alat penggera akan berbunyi _____ pintu utama rumah itu diceroboh.	kerana
3. Dia menolak pintu untuk masuk _____ pintu itu berkunci.	sekiranya
4. Puan Hani berbual dengan jirannya _____ menanti anaknya pulang dari sekolah.	kecuali
5. Lelaki itu meraung _____ tidak dapat menahan kesakitan.	supaya
6. Saya mengajak kawan-kawan berbincang _____ masalah itu dapat diselesaikan.	tetapi